

Amalan Ritual Dalam Masyarakat Bajau Filipina Di Pulau Gaya: Satu Kajian Tentang Upacara Pengurusan Jenazah

Ritual Practices in the Bajau of Philippines in Gaya Island: A Study on Funeral Traditions

Norhanisyawati binti Zahari
Muammar Ghaddafi bin Hanafiah

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

hanisyawati@gmail.com
muammar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pengurusan jenazah yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk meneliti unsur animisme dalam pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif selaras dengan matlamat dan hala tuju kajian iaitu dua metod penyelidikan seperti kaedah kajian lapangan dengan menebual informan dan kaedah perpustakaan dengan merujuk teks kajian, rujukan tafsir, hadis dan pandangan ulama klasik, buku dan jurnal. Hasil penyelidikan membuktikan bahawa masyarakat Bajau Filipina masih mengamalkan adat nenek moyang terutamanya dalam proses pengurusan jenazah. Melalui kajian ini juga terdapat beberapa unsur animisme yang masih dilakukan dalam beberapa ritual. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sebahagian besar upacara pengurusan jenazah Masyarakat Bajau Filipina masih mempunyai nilai-nilai Islam. Walaupun begitu, amalan-amalan ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam kian pudar akibat kesedaran agama dan juga faktor kewangan kerana ritual-ritual yang biasa dilakukan memerlukan kos yang tinggi. Kajian ini juga secara tidak langsung menimbulkan kesedaran masyarakat Bajau bahawa terdapat beberapa ritual yang mereka lakukan bercanggah dengan ajaran Islam dan perlu ditinggalkan.

Kata kunci: Adat kematian, Animisme, Bajau Filipina, Nilai Islam, Ritual pengurusan jenazah

ABSTRACT

This research is conducted to identifying the funeral traditions of the Bajau of the Philippines in Gaya Island. Not only that, this research is conducted to examining the elements of animism and Islamic values in funeral traditions of the Bajau of the Philippines in Gaya island. In this research, the researcher will be using qualitative method, in line with the goals and purpose of the research by using two methods, fieldwork by interviewing a few people to get the necessary data and by referring to library research by referring previous study texts, hadiths, and classical scholars' views, books and journals. The result of this research is proving that The Bajau Philippines community still added a few rituals that were pass down by their ancestors to their funeral traditions. It is also cannot be denied that the rituals in funeral traditions have an Islamic elements. Even so, the rituals that the Bajau people have added to the funeral traditions is somewhat against the Islamic funeral traditions, and is

slowly being forgotten due to religious awareness and financial factors, due to high cost of some of the rituals.

Keywords: *Animism, Funeral traditions, Islamic values, The Bajau of Philippines, Ritual Practices*

1. Pengenalan

Pada umumnya masyarakat Bajau sering dianggap sebagai perantau laut. Kenyataan tersebut disokong oleh Harrisson (1975), masyarakat Bajau pada masa dahulu sangat sinonim dengan kehidupan berperahu dan hidup secara nomadik yang tidak menetap di kawasan-kawasan khusus. Di Sabah, terdapat dua golongan besar masyarakat Bajau. Menurut Halina Sendera Mohd yakin (2007), di Sabah golongan Bajau boleh dikategorikan kepada dua iaitu orang Bajau pantai barat yang dikenali sebagai Bajau Darat dan orang Bajau di pantai timur yang dikenali sebagai Bajau Laut. Masyarakat Bajau dikatakan berasal dari Selatan Filipina dan segelintir sarjana mengatakan masyarakat Bajau berasal dari Johor. Namun begitu, perbezaan asal usul kedatangan masyarakat Bajau ini tetap mewujudkan adat tradisi yang lebih kurang sama diamalkan oleh keseluruhan masyarakat Bajau. Sebagai contoh, adat perkahwinan, adat kelahiran, adat kematian dan banyak lagi.

Agama Islam merupakan agama majoriti yang dianuti oleh kaum Bajau. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa segelintir besar masyarakat Bajau yang beragama Islam masih mengamalkan adat tradisi yang diwarisi sejak turun temurun terutamanya dalam pengurusan kematian. Oleh itu, isu yang ingin diketengahkan adalah berkenaan pengurusan kematian yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Filipina dan upacara-upacara yang berkaitan dalam pengurusan tersebut.

Pengurusan kematian dalam masyarakat Bajau Filipina yang kita sedia maklum beragama Islam mempunyai sedikit perbezaan dengan panduan pengurusan kematian mengikut Islam. Antara perbezaan dalam pengurusan kematian dalam masyarakat Bajau Filipina termasuklah peralatan untuk memandikan jenazah.

Secara umumnya perbezaan yang wujud adalah disebabkan pertembungan adat tradisi dan pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat Bajau Filipina. Pertembungan tersebut menyebabkan wujudnya asimilasi di antara rukun asas agama Islam dan amalan serta kepercayaan tradisional masyarakat Bajau Filipina. Ritual-ritual yang masih di amalkan tersebut sering kali di anggap animisme kerana amalan tersebut tidak terdapat dalam pengurusan jenazah mengikut panduan Islam.

Walaupun begitu, tidak semua amalan yang diamalkan bercanggah dengan ajaran Islam dan sememangnya tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat juga ritual-ritual yang sebenarnya bercanggah dengan Islam atau dengan perkataan yang lebih mudah animisme.

Dalam kajian ini, terdapat 3 objektif yang telah digariskan. Pertama adalah mengenalpasti ritual pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina. Kedua adalah untuk mengenalpasti unsur animisme dalam pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina. Ketiga adalah untuk mengenalpasti unsur-unsur Islam dalam pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina.

2. Tinjauan Literatur

Berdasarkan pembacaan terhadap beberapa penulisan yang berkait rapat mengenai adat masyarakat Bajau, masih belum terdapat perbincangan yang menyeluruh dan mendalam mengenai pengurusan kematian masyarakat Bajau khususnya Bajau Filipina. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa penyelidikan mengenai etnik Bajau yang telah lama dilakukan oleh penyelidik dari negara barat mahupun tempatan.

Dalam kajian Yap Beng Liang (1993) Ratna Indrawasih dan I G. P. Antariksa (2003), mereka telah membuat kajian yang umum tentang masyarakat Bajau yaitu tentang sistem kekerabatan, hubungan domestik dan beberapa aspek lain dalam budaya masyarakat Bajau Laut dengan skop yang begitu luas yaitu sehingga ke kepulauan kawasan Filipina. Kajian mereka jelas memperkatakan bahawa masyarakat Bajau mengamalkan sistem kekerabatan yang bercorak bilateral atau kognatik. Sistem kekerabatan yang menitikberatkan kaum kerabat sedarah (seibu dan sebapa) dan kaum kerabat yang diperoleh melalui perkahwinan.

Bukan itu sahaja, Kajian Yap Beng Liang (1993) juga memfokuskan kepada kajian tentang budaya masyarakat Bajau di Pulau Omadal. Menurut kajian beliau, masyarakat bajau yang menetap di Pulau Omadal adalah masyarakat yang menganuti agama Islam. Corak kehidupan masyarakat Bajau Di Pulau Omadal merupakan masyarakat yang memang mempunyai rumah berbanding segelintir masyarakat Bajau lain yang hanya tinggal di atas bot. Masyarakat di pulau tersebut diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai masyarakat yang berpendidikan iaitu tidak buta huruf dan amat mementingkan komunikasi antara satu yang lain.

Sementara itu, Hassan Mat Noor (1980) telah mengkaji dari aspek adat perkahwinan masyarakat Bajau berdasarkan satu tinjauan yang dilakukan oleh beliau di Kota Belud, Sabah. Menurut beliau, perkahwinan masyarakat Bajau tidak jauh beza dengan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan pegangan agama yang sama iaitu Islam. Sebagai contoh, beliau mengatakan bahawa masyarakat Bajau juga mempunyai upacara merisik, bertunang juga majlis akad nikah manakala hal yang membezakan adat perkahwinan masyarakat Melayu dan masyarakat Bajau adalah pengantin perempuan dalam masyarakat Bajau tidak perlu membalas dulang hantaran ke pihak lelaki.

Seterusnya ialah Ismail Ali (2007) antara pengkaji yang telah mengkhususkan kajian beliau terhadap seni warisan iaitu warisan perahu komuniti Bajau Laut di Sabah. Kajian ini lebih banyak menerangkan tentang penghasilan perahu yang dapat memperlihatkan budaya cara pemikiran masyarakat Bajau. Menurut kajian beliau, konsep dan reka bentuk perahu bogoo yang digunakan oleh komuniti Bajau Laut di Sabah pada hari ini sebenarnya telah diwarisi sejak zaman Kesultanan Sulu lagi. Perubahan tahap pentadbiran di Sabah dan reka bentuknya telah memperlihatkan bagaimana perahu bogoo berevolusi daripada Barangayan dan Kora-kora sewaktu pemerintahan Kesultanan Sulu.

Selain itu, Saidatul Nornis Mahali (2008) telah membicarakan tentang interaksi sosial dalam *Isun-Isun* Bajau. Kajian yang meneliti tentang penggunaan perkataan dan aspek tatabahasa dalam sebuah lagu tradisional masyarakat Bajau yang menggambarkan mereka turut menggunakan lagu dalam berinteraksi. Sebagai contoh masyarakat Bajau memulakan interaksi dalam *Isun-Isun* Bajau adalah seperti berikut; ‘sangom teq betiru kekuri doq kiti’ yang bermaksud ‘malam nanti kita bermain (menyanyi)’. Selain itu, beliau juga turut menjalankan sebuah penyelidikan pada tahun 2012 iaitu kajian tentang bahasa Gipsi Laut/Pala’u berdasarkan penelitian kini di Sabah. Kajian ini memperkatakan tentang bahasa Pala’u merupakan bahasa dialek segelintir masyarakat Bajau dan telah menyatakan perbezaan dialek yang terdapat di Sabah. Menurut beliau, antara faktor perbezaan dialek tersebut adalah disebabkan asal usul kedatangan mereka dan pengaruh peminjaman leksikal daripada suku-suku yang hidup berjiran dengan mereka. Sebagai contoh kata nama anjing yang disebut sebagai *ero*’ oleh masyarakat Sabah pantai barat manakala *ore*’ oleh masyarakat pantai timur. Beliau juga mengatakan bahawa bahasa Bajau pantai Barat sebenarnya lebih dekat dengan Bahasa Melayu khususnya dari aspek sintaksis. Sebagai contoh, ayat ‘baju dia sangat hitam’ dalam bahasa Bajau pantai barat adalah ‘*bajju na landu ettom*’.

Seterusnya, Syamsul Azizul Marinsah et al. (2016), ada membincangkan tentang amalan tradisi masyarakat Bajau di Semporna menurut hukum Islam. Dalam kajian tersebut, para penyelidik mengatakan bahawa walaupun masyarakat Bajau yang mempunyai pegangan

agama yang baik terhadap agama Islam sekalipun tetap masih berpegang kuat kepada kepada amalan-amalan tradisi yang bercanggah dengan ajaran Islam sehingga ke hari ini. Antara amalan yang masih diamalkan oleh masyarakat Bajau adalah kepercayaan *Magombbo*. Masyarakat Bajau beranggapan bahawa seseorang yang telah meninggal dunia terutamanya bagi golongan nenek moyang mereka, roh yang telah mati akan kembali ke dunia untuk melihat gerak geri generasi baru. Kepercayaan yang sangat bercanggah dengan ajaran Islam yang menekankan aspek alam barzakh yang merupakan pemisah antara dunia dan akhirat.

Setelah diteliti, tiada lagi kajian khusus mengenai masyarakat Bajau terutamanya Bajau Filipina yang menetap di Pulau Gaya iaitu sebuah pulau di tengah bandar Kota Kinabalu yang kini kian pesat membangun. Kajian ini juga akan meninjau dan mengemukakan satu analisis etnografi mengenai pengurusan jenazah yang diamalkan dalam masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya dan menghurai hukum setiap amalan tradisional yang mereka masih lakukan ketika proses pengurusan kematian.

3. Metodologi

Metodologi kajian merupakan salah satu kaedah yang digunakan sebagai alat utama untuk menjawab dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan metodologi kualitatif sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian. Kajian ini menggunakan dua kaedah utama bagi mengumpul data iaitu menggunakan data primer iaitu kajian lapangan dan data sekunder. Dalam kajian ini, data primer diperoleh melalui metode temu bual manakala data sekunder pula diperolehi melalui kajian perpustakaan.

Dalam kaedah perpustakaan ini, metod akan diaplikasikan dengan mendapatkan maklumat dan data melalui sumber sekunder dari perpustakaan bagi seorang pengkaji mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Sebagai contoh teks kajian, rujukan tafsir, hadis dan pandangan ulama klasik, buku dan jurnal.

Dalam kajian lapangan, pengkaji menggunakan kaedah temu bual yang akan dilakukan secara beriringan. Kaedah ini akan dijalankan dalam lokasi kajian iaitu Pulau Gaya Sabah. Pengkaji akan menemu bual beberapa orang yang mempunyai maklumat dalam bidang yang ingin dikaji. Informan tersebut akan dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam mengamalkan adat tradisi masyarakat Sabah.

Lokasi kajian ditumpukan hanya di sekitar Pulau Gaya, Sabah kerana pulau tersebut merupakan salah satu pulau yang masih didiami oleh masyarakat Bajau Filipina di sebuah bandar Kota Kinabalu yang kian pesat membangun.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Analisis etnografi mengenai pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya

Bahagian ini merupakan dapatan pertama iaitu hal pengurusan jenazah masyarakat bajau filipina di pulau gaya. Dalam pengurusan jenazah, terdapat dua proses pembahagian iaitu sebelum pengebumian dan setelah pengebumian.

Berikut merupakan susunan pengurusan kematian dalam masyarakat Bajau Filipina sebelum pengebumian.

i. *'Mag Bantuk' (Pemberitahuan Kematian)*

'Mag bantuk' adalah istilah Bajau yang bermaksud mengumumkan kematian atau dalam bahasa Arab *al-Na'yu*. Menurut Mohd Yusof Arbain dan Sakina Arif Johor (pngr.) (2008), mengatakan bahawa *al-Na'yu* ialah pemberitahuan tentang kematian seseorang dan menghebahkannya.

Menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, tujuan utama masyarakat Bajau mengumumkan kematian seseorang agar orang sekeliling maklum akan pemergian seseorang. Ia adalah seperti salah satu acara bagi memaklumkan kepada orang ramai agar seseorang yang telah meninggal dunia dapat didoakan, disembahyangkan jenazah dan sekaligus mengajak jiran tetangga untuk datang berkunjung sebagai rasa simpati dan memberi penghormatan terakhir bagi seseorang yang telah meninggal dunia.

Terdapat beberapa cara masyarakat Bajau dalam menghebahkan berita kematian. Menurut Radik Taim (2014), apabila terdapat orang kampung meninggal dunia, 'balu-balu' iaitu gong akan dibunyikan bertujuan untuk memberitahu masyarakat kampung bahawa adanya kematian. Bahkan pukulan gong pula mempunyai kaedahnya tersendiri bagi membezakan sama ada yang meninggal itu lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa. Lazimnya, dua orang akan pemukul gong akan saling berbalas gong.

Namun begitu, menurut Puan Hajah Aminah Lauhari penggunaan gong tersebut sudah lama tidak diamalkan terutamanya di sekitar Pulau Gaya. Hal ini akibat pemandaran yang kian menghakis adat tradisi. Ramai daripada mereka menganggap bahawa penggunaan gong adalah ketinggalan zaman. Pada hari ini, mereka menghebahkan berita kematian dengan menyampaikan berita tersebut dari keluarga yang berkenaan ke individu lain sehinggalah seluruh kampung maklum akan berita tersebut.

Setelah itu, kebiasaannya dalam masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya, orang ramai khususnya jiran tetangga dan rakan kenalan akan berkunjung ke rumah sebagai tanda simpati. Ketika ini, orang ramai yang datang berkunjung biasanya akan berpakaian kemas dan menutup aurat dan akan memberikan 'sin tulung' kepada keluarga seseorang yang telah meninggal dunia. 'Sin tulung' adalah sejenis pemberian berupa sedekah yang berbentuk wang ringgit. Dalam masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya, apabila seseorang telah meninggal dunia, mereka akan datang berkunjung lalu memberikan sedekah tersebut kepada waris terdekat sebagai tanda simpati dan merupakan bantuan yang dihulurkan untuk meringankan kos ditanggung oleh keluarga yang kehilangan terutamanya dalam proses pengurusan jenazah selepas pengebumian yang akan mengadakan kenduri arwah.

ii. Memandikan jenazah

Memandikan jenazah merupakan proses kedua yang akan diamalkan dalam masyarakat Bajau dalam pengurusan jenazah. Menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, proses memandikan jenazah hampir keseluruhan sama dengan pengurusan jenazah dalam Islam. Antara peralatan mandi yang digunakan termasuklah gunting, bekas untuk air baldi, lidi, timba, dulang untuk bekas pekakas, tanggung iaitu sejenis tempat tinggi sedikit dari lantai bagi memudahkan upacara memandikan jenazah, 3 gelen air mutlak, 3 gelen air daun bidara dan 3 gelen air kapus barus dan lain-lain. Namun begitu, terdapat sedikit kelainan apabila menguruskan jenazah wanita. Masyarakat Bajau Filipina seringkali menggunakan air perahan santan yang akan digunakan untuk diletakkan pada rambut jenazah wanita tersebut.

Menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, air santan bukan sahaja boleh digunakan dalam masakan harian, namun pada masa sama ia mempunyai banyak manfaat dan keistimewaan khusus untuk rambut. Mengandungi protein dan zat besi yang bermanfaat dalam kesihatan dan penggunaan santan antara kaedah terbaik yang mampu membantu dalam usaha mendapatkan rambut sihat serta cantik bersinar. Oleh kerana itu bagi urusan memandikan jenazah wanita, mereka akan membasuh rambut wanita menggunakan santan terlebih dahulu sebelum membilasnya dengan air mutlak.

Sebelum memandikan jenazah, beberapa perkara perlu dilakukan antaranya ialah meletakkan jenazah dengan lembut dan cara melintang. Jenazah perlu diletakkan di tempat yang bersih, tinggi dan tertutup daripada pandangan umum kecuali pemandi dan pembantu sekiranya perlu. Jenazah yang hendak dimandikan perlulah ditutup dengan kain yang lebar serta nipis agar air mudah untuk melaluinya atau baju yang sedikit longgar dan sebaiknya menggunakan kain yang berwarna gelap. Berikut merupakan cara masyarakat Bajau Filipina memandikan jenazah selaras dengan panduan dalam Islam:

- a. Jenazah terlebih dahulu perlu digerakkan sendinya sehingga lembut dengan mengurut dan menggerakkan perlahan-lahan anggota badan seperti pangkal lengan, hujung jari, paha, lutut, bahagian tumit sehinggalah ke hujung jari kaki.
- b. Memasang bau-bauan sekiranya perlu untuk mengelakkan bau.
- c. Jenazah perlu ditutup dengan kain nipis dan diletakkan di atas tempat yang dikhaskan.
- d. Pemandi jenazah yang ditugaskan perlu memastikan tiada sebarang perkara yang dapat menghalang daripada air untuk meresap kepada kulit jenazah seperti getah, kesan plaster, kesan cat, pewarna kuku dan sebagainya.
- e. Jenazah akan diwudukkan sama seperti wuduk orang yang masih hidup dan dibacakan niat memandikan jenazah.
- f. Jenazah perlu dimandikan dengan membasuh seluruh anggota badan dengan menggunakan air mutlak. Ianya perlu dimulakan dari bahagian kepala bermula dengan bahagian kepala sehingga kaki dan diikuti dengan bahagian kiri.
- g. Seterusnya, jenazah perlu didudukkan perlahan-lahan dan dicondongkan belakangnya menggunakan tangan pemandi jenazah. Lalu kangkangkan sedikit kaki jenazah.
- h. Setelah itu, perut jenazah perlu diurut ke bawah dengan menekan sedikit demi sedikit agar keluar segala najis di dalam perut jenazah. Bahagian dubur juga perlu dibersihkan dan perlu berniat untuk mengistinjakkan mayat.
- i. Setelah mayat telah dibersihkan dari najis-najis yang ada, anggota lain yang perlu dibersihkan pula adalah bahagian kepala iaitu mata, lubang hidung, lubang telinga dan mulut mayat dan lubang pusat.
- j. Kemudian bersihkan pula seluruh bahagian kepala dari seluruh rambut hingga ke janggut sekiranya ada.
- k. Setelah itu jirus bahagian keseluruhan badan dengan lembut sekaligus membersihkan celah kotoran yang tertinggal seperti kotoran di celah kuku.
- l. Bahagian rambut pula terutamanya jenazah perempuan akan disiramkan dengan air santan kelapa. Setelah itu, barulah dibilas sekali lagi menggunakan air mutlak sehingga air perahan santan kelapa tersebut bersih.
- m. Seterusnya, jenazah akan dimandikan dengan air daun bidara dan air kapur barus. Setelah selesai memandikan jenazah, badan jenazah perlu dilapkan dengan kain yang bersih dan akan diusung keluar dari tempat mandi.

iii. Mengkafankan jenazah & menyembahyangkan jenazah

Puan Hajah Aminah Lauhari yang telah menguruskan sebanyak empat kali kematian dalam keluarganya mengatakan bahawa urusan mengkafan jenazah dalam masyarakat Bajau Filipina adalah seperti masyarakat Islam yang lain juga. Antara peralatan mengkafan jenazah termasuklah dua gulung kapas, gunting, tikar, kain putih kira-kira 13 ela dan lebar 50 inci serta ramuan bau-bauan untuk diletakkan pada kapas yang kemudiannya diletakkan pada anggota badan yang berkenaan. Urusan

menyembahyangkan jenazah juga dilakukan mengikut syariat Islam tanpa sebarang masuk campur adat tradisi.

iv. *Mengiringi jenazah dan mengebumikan jenazah*

Menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, urusan mengiringi jenazah mengebumikan jenazah akan dilakukan oleh ahli keluarga terdekat terutamanya ketika hendak menurunkan mayat. Dalam bahagian ini, beliau turut mengatakan bahawa jenazah kubur wanita biasanya akan diletakkan cermin yang bersaiz kecil bagi menandakan bahawa kubur tersebut merupakan kubur seorang wanita.

Berikut pula merupakan susunan pengurusan kematian dalam masyarakat Bajau Filipina selepas pengebumian.

v. *'Pama Bangkai-Bangkaian'*

Selesai upacara pengebumian, 'pama bangkai-bangkaian' akan disediakan oleh keluarga tersebut. Upacara ini merupakan adat tradisi yang memerlukan ahli keluarga menyediakan satu ruang atau sudut untuk dibentangkan tikar. Tikar tersebut akan dikemaskan seperti tempat tidur yang mempunyai bantal dan selimut. Bukan itu sahaja, tikar tersebut akan digunakan untuk meletakkan pakaian kepunyaan jenazah seperti baju, seluar dan barang-barang yang berkaitan. Semua barang-barang tersebut biasanya akan diletakkan dalam piring putih dan lazimnya akan ada tujuh piring putih yang dipenuhi oleh barang keperluan jenazah.

vi. *'Magjaga'*

'Magjaga' pula adalah upacara menjaga kubur selama tujuh hari pertama. Lazimnya mereka akan mendirikan pondok sementara berdekatan kubur bagi memudahkan upacara ini. Upacara ini akan melibatkan golongan lelaki yang akan menjaga kubur pada waktu malam. Unggun api akan dinyalakan selama tujuh hari pertama tidak jauh dari perkuburan jenazah. Hal ini kerana, mereka mempercayai bahawa dengan adanya ungunn api dan beberapa orang yang menjaga, maka syaitan tidak datang mengganggu jenazah tersebut. Manakala pada waktu siang pula, pondok sementara tersebut biasanya akan digunakan untuk ahli keluarga atau imam membacakan ayat al-Quran.

vii. *'Mangan Bahangi' Dan 'Ngaingan Umagad'*

"Mangan bahangi" merupakan konsep masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya yang membawa maksud kenduri yang khas untuk arwah. Upacara ini merupakan upacara terpenting kerana pada masa inilah bacaan ayat al-Quran, zikir, selawat dan tahlil serta doa dilakukan secara beramai-ramai.

Menurut Kamus Dewan (2005), istilah kenduri bermaksud jamuan makan yang lazimnya didahului dengan zikir dan doa bagi tujuan keagamaan seperti meminta keberkatan, mendoakan orang yang telah meninggal dunia, memperingati sesuatu peristiwa dan lain-lain. Kenduri arwah kebiasaannya diadakan oleh waris seseorang yang telah meninggal. Dalam suku masyarakat Bajau Filipina, kenduri arwah biasanya dikendalikan oleh seseorang yang paling tua dan berpengalaman dalam keluarga misalnya ibu atau nenek.

Mangan bahangi juga turut dikenali sebagai *ngeduang*. Menurut Halina Sendera (2012), Secara literalnya, *ngeduang* bermaksud menyediakan *duang*, yakni boleh disifatkan sebagai sedekah berupa sajian pelbagai jenis makanan kepada para tetamu yang lazimnya dilaksanakan ketika majlis mangan bangi, iaitu kenduri besar pada hari ke-7, ke-40, ke-100 dan setiap ulangtahun kematian bagi mereka yang

berkemampuan. Secara simboliknya, *ngeduang* membawa maksud memberi makan si mati dan membantu beliau menjalani hidup di dunia yang baru (di alam barzakh).

Ngeduang juga bermaksud sedekah daripada keluarga si mati kepada tetamu yang datang ke majlis kenduri arwah tersebut demi kesejahteraan si mati. Lazimnya, *duang* mengandungi beberapa makanan wajib tradisi, iaitu kuih sinsim, kuih jala', kuih pinjaram, kuih berate, kalas, saging randang, kuih wajid, inti' dan juga nasi serta pelbagai lauk pauk. Secara implisit, *duang* melambangkan simbol kasih sayang dan penghormatan kepada ahli keluarga dan sanak saudara yang telah meninggal dunia

Dalam masyarakat Bajau Filipina menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, upacara ini biasanya akan dilakukan pada hari ke-7 kematian, hari ke-20, hari ke-40 dan hari ke-100. Namun ini adalah bergantung kepada keluarga jenazah sekiranya ingin membuat kenduri. Kebiasaannya, bagi mereka yang kurang berkemampuan, kenduri arwah hanya dilakukan pada hari ke-7. Keluarga Puan Hajah Aminah Lauhari sendiri mengadakan kenduri arwah mengikut adat tradisi sehinggalah hari ke-100. Antara makanan yang wajib disediakan ketika kenduri arwah adalah 'tiula-itum'. Sejenis hidangan iaitu daging lembu dimasak dengan parut kelapa.

Selain itu, kuih 'panyam' atau dikenali sebagai kuih pinjaram juga perlu disediakan dan kuih 'ja' iaitu kuih jala. Kuih jala biasanya akan dibuat dengan menggunakan peralatan atau acuan yang boleh dibeli atau dibuat sendiri dengan menggunakan kayu dan diikat dengan tin yang telah dilubangkan di bahagian bawahnya. Disamping hidangan wajib tersebut, nasi kuning dan ayam goreng serta lauk-lauk lain juga disediakan mengikut kemampuan setiap keluarga.

'Ngaingan umagad' pula upacara memanggil semula roh seseorang yang telah meninggal dunia. Upacara ini biasanya dilakukan oleh imam kampung yang semestinya amat mementingkan adat tradisi disamping mengutamakan ajaran Islam. Setiap kenduri arwah yang diadakan akan ada berlakunya upacara ini kerana mereka percaya roh akan datang pada setiap kenduri yang diadakan tersebut. Setelah itu, barulah segala makanan yang telah disediakan akan disedekahkan kepada jiran tetangga.

viii. 'Sinabu'

Upacara ini merupakan upacara yang akan dilakukan setiap tahun sama seperti menyambut hari lahir. Upacara ini adalah bagi mengingati mereka yang telah meninggal dunia. Sebuah kenduri akan diadakan sama seperti kenduri 'mangan bahangi' atau kenduri arwah yang diadakan oleh mereka sebelumnya. Upacara ini akan dilakukan pada tarikh seseorang yang telah meninggal.

4.2 *Unsur animisme dalam pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya*

Bahagian ini merupakan dapatan kedua yang membincangkan unsur animisme dalam pengurusan jenazah masyarakat Bajau Filipina. Lazimnya masyarakat Bajau adalah beragama Islam maka kebiasaannya pengurusan kematian adalah dijalankan mengikut hukum dan amalan Islam. Walaubagaimanapun, sekelompok masyarakat Bajau masih meneruskan adat istiadat tertentu yang telah diwarisi secara turun-temurun.

i. *Pama Bangkai-Bangkaian*

Menurut Puan Hajah Aminah Lauhari, adat ini dilakukan adalah kerana mereka percaya bahawa roh seseorang yang telah meninggal masih berada di muka bumi selama tujuh hari yang pertama. Mereka percaya bahawa selama tujuh hari pertama tersebut, roh ahli keluarga mereka yang telah meninggal akan berada di kubur ketika siang manakala malam berada di rumah. Setelah 7 hari pertama, kesemua barang-

barang yang telah diletakkan di atas tikar akan disedekahkan kepada jiran-jiran yang kurang berkemampuan.

Menurut Hamza Abed al-Karim Hammad & Ahmad Wifaq bin Mokhtar (2013) mengatakan bahawa, perbuatan membiarkan pakaian orang yang sudah mati selama tiga hari (sampai hari ke-3) dengan keyakinan bahawa hal itu dapat mencegah azab kubur adalah bida'ah. Menurut Mohammad Nashiruddin Al-Albani (2002) pula, keyakinan sebahagian orang bahawa roh orang yang mati akan berkeliaran di sekitar tempat kematiannya merupakan perbuatan bida'ah.

Oleh itu, jelas bahawa adat 'pama bangkai-bangkaian' yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Filipina adalah sebuah perbuatan animisme dan dilarang dalam Islam.

ii. *Ngaingan Umagad (Memanggil Roh)*

Kelaziman yang berlaku dalam masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya khususnya ialah setiap kali kenduri arwah diadakan, pengisian kenduri tersebut bercampur antara tuntutan syariat Islam dan adat tradisi. Misalnya upacara 'mangan bahangi' atau kenduri arwah yang akan turut disertakan dengan upacara 'ngaingan umagad' iaitu memanggil roh seseorang yang telah meninggal.

Upacara memanggil roh adalah salah satu pengisian dalam upacara kenduri arwah dalam tradisi masyarakat Bajau. Masyarakat Bajau Filipina yang beragama Islam sememangnya mempunyai dua kepercayaan yang besar seperti yang telah dinyatakan dalam bab 2 iaitu percaya kepada 'Saitan' atau dikenali sebagai syaitan dan 'Umaggad' iaitu roh seseorang yang sudah meninggal dunia.

Upacara ini menunjukkan bahawa masyarakat Bajau percaya bahawa roh seseorang yang telah meninggal dunia masih berada di muka bumi dan boleh dipanggil pada bila-bila masa sahaja seperti dalam upacara 'ngaingan umagad'. Kepercayaan ini bertentangan dengan ajaran Islam kerana menurut Mohammad Nashiruddin Al-Albani (2002), menyatakan bahawa antara perkara bida'ah sekitar masalah jenazah adalah keyakinan sebahagian orang, bahawa roh yang telah mati masih berkeliaran di sekitar tempat kematiannya.

Apabila berbicara berkenaan roh, ia sebenarnya asal manusia. Badan atau tubuh yang sedia ada hanyalah sebuah alat yang digunakan oleh roh untuk berbuat taat mahupun maksiat. Hakikatnya roh itu hanya Allah sahaja yang mengetahui. Berikut merupakan terjemahan ayat yang berkaitan roh dalam al-Quran surah al-Isra:

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”.

(al-Quran surah al-Isra: 85)

Justeru itu, perihal tentang kewujudan roh itu adalah benar berdasarkan hadis dan pendapat para ulama. Namun begitu, kepercayaan kelompok masyarakat Bajau Filipina bahawa roh yang telah mati masih berada di muka bumi itu adalah satu perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini kerana menurut Syaikh Abdul Latif Musytaharty (1999), berdasarkan hadis yang ada, menyatakan bahawa roh seseorang yang telah mati akan dinaikkan sesuai dengan amal tuan roh seseorang itu mengikut kehendak Allah sama ada dinaikkan ke langit yang ke tujuh atau hanya sekadar langit dunia sahaja dan sekalipun roh itu diturunkan, ianya hanya pada hari kebangkitan. Oleh itu, jelas bahawa upacara memanggil roh semula pada kenduri arwah adalah salah satu perbuatan yang tergolong dalam animisme.

5. Rumusan dan Cadangan

Evolusi agama dan kepercayaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Bajau Filipina di Pulau Gaya, jelas menunjukkan bahawa pemikiran mereka lebih banyak didominasi oleh animisme dan Islam. Walaupun begitu, oleh kerana masyarakat Bajau Filipina belum mendalami ajaran Islam sepenuhnya sejak zaman prakolonial sehinggalah ke zaman kemerdekaan, maka mereka sukar keluar daripada amalan animisme sehinggalah kini.

Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa ledakan arus pemodenan yang melanda masyarakat Bajau Filipina, tidak kira dari sudut pemandaran mahupun peralihan sistem ekonomi langsung tidak menggugat dan menghakis aspek berhubung alam dan makhluk supernatural dalam kehidupan mereka. Buktinya, mereka masih melakukan beberapa upacara khusus seperti *pama bangkai-bangkaian* dan banyak lagi.

Rujukan

al-Quran

- Halina Sedera Mohd Yakin. (2007). *Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konversi, Adaptasi dan Transformasi Budaya*. Kertas Kadangkala. Bil. 7. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.
- Hamza Abed al-Karim Hammad & Ahmad Wifaq bin Mokhtar. (2013). *Al-Madkhal Ila Al Fiqh Wa Al-Fatwa*. Dlm Mohammad Nashiruddin Al-Albani. 2002. *Persoalan Berkaitan Pengurusan Jenazah*. Perniagaan Jahabersa. Kuala Lumpur. Hlm 210.
- Harrison, Tom. (1975). Ngaju-Bajau Significant Early Term Usages in Southeast Asia (Especially Malaysia). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. 49 (1): 1-14.
- Hassan Mat Noor. (1980). Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: satu Tinjauan Awal di Kota Belud, Sabah. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. Vol. 8: 172-185.
- Ismail Ali. (2007). Bogoo: *Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut Di Sabah, Malaysia*. Kota Kinabalu Universiti Malaysia Sabah. Vol. 25 (1): 61-70.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi ke 4. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Nashiruddin Al-Albani. (2002). *Persoalan Berkaitan Pengurusan Jenazah*. Perniagaan Jahabersa. Kuala Lumpur. Hlm 209.
- Radik Taim. (2014). Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum Bajau Sama. Panel penulis. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ratna Indrawasih dan I G. P. Antariksa. (2003). Budaya Bajau: Pemanfaatan dan Pelestarian Lingkungan. *Jurnal Masyarakat Budaya*. Vol. 5 (2): 59-75.
- Saidatul Nornis Mahali. (2008). Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau. *Akademika*. Vol. 74:59-87.
- Saidatul Nornis Mahali. (2012). *Bahasa Gispil Laut/ Pala'u: Penelitian Kini di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Farhan Md Ariffin & Mohd Anuar Ramli. (2016). *Amalan Tradisi Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Kajian Menurut Hukum Islam*. *Jurnal Perspektif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Vol. 8 (2):135- 149.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-Aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temubual
Puan Hajah Aminah binti Lauhari. 67 tahun. Penduduk Pulau Gaya.

